

# UMP cakna kebajikan pelajar

Perhebat inisiatif bantuan makanan, kemudahan pembelajaran

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit  
bhpendidikan@bh.com.my

**Pekan:** Prihatin terhadap isu kenaikan harga makanan ketika ini dan kesannya kepada mahasiswa, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** tampil memperhebatkan lagi bantuan makanan kepada pelajarnya terutama pada musim peperiksaan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin, agihan makanan percuma itu berupa sarapan pagi dan snek malam dijalankan oleh Perwakilan Mahasiswa Residen Pelajar.

"Universiti sentiasa cakna dengan kebajikan pelajar yang kebanyakannya datang daripada keluarga B40.

"Jadi, kami turut akan memantapkan lagi kawalan harga makanan dengan memperkenalkan pakej harga makanan menangan-menang dan menu harga bajet hasil kerjasama dengan pengusaha dan pelbagai pihak terbabit.

"Pada masa sama kebajikan pihak pengusaha kafeteria turut



Perwakilan Pelajar UMP mengagihkan makanan secara percuma menjelang musim peperiksaan di kampus universiti.

dipelihara kerana mereka turut berhadapan dengan kenaikan harga barangan namun tetap perlu mengekalkan harga makanan pada kadar sedia ada," katanya.

Yuserrrie berkata, pihaknya turut mempertingkatkan kemudahan UMP Kasih iaitu pemberian kupon makan untuk pelajar yang berkeperluan. Ia bagi membolehkan pelajar mendapatkan makanan secara percuma di kafeteria kampus untuk semester akan datang.

UMP Kasih adalah satu daripada sembilan program pemberian kupon di bawah projek yang dinamakan Food@Campus Keluarga Malaysia Keluarga UMP. Lapan lain inisiatif dibawahnya termasuklah UMP Pek Kasih Sayang, UMP Campus Pantry, UMP YAPEM dan UMP Iftar (setiap Isnin dan Khamis) di masjid UMP.

Turut disediakan UMP Food For All, UMP Bakul Prihatin Yayasan, UMP Traveller dan UMP

Karentina yang dianggarkan keseluruhannya membabitkan kos RM5.6 juta ringgit sejak dilaksanakan dua tahun lalu.

Yuserrrie berkata, sehingga kini lebih 4,000 pelajar UMP sudah menerima manfaat melalui program Food@Campus Keluarga Malaysia hasil inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama agensi lain.

"Kami juga sedang mengadakan perbincangan mengenai inisiatif penyediaan pakej makanan

UMP turut merangka pelan jangka panjang dengan membangunkan kehidupan kampus lestari yang komprehensif meliputi pelan makanan, asrama, pengangkutan, peranti dan lain-lain

Yuserrrie Zainuddin, Naib Canselor UMP



sedia untuk dimakan (ready to eat) di bawah inisiatif UMP Campus Pantry dengan kerjasama dengan pelbagai pihak terbabit.

"Selari dengan itu UMP turut merangka pelan jangka masa panjang dengan membangunkan kehidupan kampus lestari yang komprehensif meliputi pelan makanan, asrama, pengangkutan, peranti dan lain-lain," katanya.

Turut disediakan pelbagai bantuan khas kemudahan pembelajaran seperti komputer riba dan pelan data internet untuk meringankan beban pelajar dalam meneruskan pengajian menerusi Yayasan UMP.